



**PERSATUAN BULAN SABIT MERAH MALAYSIA**  
*(Malaysian Red Crescent Society)*

## **BUKU PANDUAN NO. 5**

### **PAKAIAN SERAGAM PERSATUAN BULAN SABIT MERAH MALAYSIA**

<b>SEKSYEN</b>	<b>KANDUNGAN PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
1.	Syarat-Syarat Am	1
2.	Peralatan Pakaian Seragam	2-5
3.	Pemakaian Bintang-Bintang Kebesarab / Pingat /Medal Reben.	6
4.	Kegunaan Setiap Pakaian Seragam PBSMM	7-10
5.	Gambarajah Setiap Jenis Pakaian Seragam PBSMM	
5.1	Pakaian Istiadat No. 1 – Pegawai Lelaki	11-12
5.2	Pakaian Seragam No. 2 – Pegawai Lelaki	13-14
5.3	Pakaian Seragam No. 3 – Pegawai Lelaki	15-16
5.4	Pakaian Seragam No.4 – Pasukan Bantuan Sukarela	17-18
5.5	Pakaian Seragam No. 5 – Belia / Pasukan Bantuan sukarela (PBS) (Kawalan Kehormatan) – Lelaki	19-20
5.6	Pakaian Seragam No. 6 – Anggota Ambulans – Lelaki	21-22
5.7	Pakaian Seragam No. 7 – Unit Kecemasan Bermotosikal (EMU) – Lelaki	23-24
5.8	Pakaian Seragam No. 8 – Belia/Kanak-kanak Link – Lelaki	25-26
5.9	Pakaian Seragam No. 9 – Pasukan Bantuan Sukarela (PBS)/ Belia dan Kanak-kanak Lelaki Link	27-28
5.10	Pakaian Istiadat No. 1 – Pegawai Wanita	29-30
5.11	Pakaian Seragam No. 2 – Pegawai Wanita	31-32
5.12	Pakaian Seragam No. 3 – Pegawai Wanita	33-34
5.13	Pakaian Seragam No.4 – Pasukan Bantuan Sukarela (PBS) – Wanita	38-38

5.14	Pakaian Seragam No. 5A & 5B – Belia / Pasukan Bantuan sukarela (PBS) (Kawalan Kehormatan) – Wanita	39-42
5.15	Pakaian Seragam No. 6 – Anggota Ambulans – Wanita	43-44
5.16	Pakaian Seragam No. 7 – Unit Kecemasan Bermotosikal (EMU) – Wanita	45-46
5.17	Pakaian Seragam No. 8 – Belia/Kanak-kanak Link – Wanita	47-48
5.18	Pakaian Seragam No. 9 – Pasukan Bantuan Sukarela (PBS)/ Belia dan Kanak-kanak Wanita Link	49-50
5.19	Pakaian Wanita No 10 – Pegawai dan Lain- lain Anggota – Wanita (Pilihan)	51-52
6.	Pakaian Seragam Gunasama/Khas	53-60
6.1	Pakaian Untuk Petugas Dapur & Sajian – Lelaki	53
6.2	Pakaian Untuk Petugas Dapur & Sajian – Wanita	54
6.3	Pakaian ‘Wet Suit’ Anggota Penyelamat Dalam Air PBSMM – (Lelaki & Wanita)	55
6.4	Pakaian Untuk Petugas – (Lelaki & Wanita)	56
6.5	Baju Hujan PBSMM – (Lelaki & Wanita)	57
6.6	Gambarajah Topi (Base Ball Cap) dipakai Bersama ‘Vest PBSMM’ – (Lelaki & Wanita)	58
6.7	Pakaian ‘Vest’ PBSMM Untuk Petugas Ambulans (Lelaki & Wanita)	59
6.8	Pakaian ‘Vest’ PBSMM – (Lelaki & Wanita)	60
7.	Senarai Jawatan-jawatan Dalam PBSMM Yang Layak Memakai Pangkat	61-62

8.	Susunan Pangkat Pegawai Dan Anggota PBSMM	63-68
8.1	Susunan Pangkat Pegawai Dan Anggota PBSMM	63-68
8.2	Jalur Topi Pegawai Yang Memakai Pangkat MPP Ke Atas Kedudukan Pangkat Di Bahu Kanan dan Bahu Kiri	66
8.3	Jalur Topi Pegawai Yang Memakai Pangkat MP Ke Atas Kedudukan Pangkat Di Bahu Kanan dan Bahu Kiri	67
8.4	Jalur Topi Pegawai Yang Memakai Pangkat PPP Ke Bawah Serta Kedudukan Pangkat Di Bahu Kanan dan Bahu Kiri	
9.	Gambarajah Lencana Pangkat Pasukan Bantuan Sukarela (PBS) & Belia	69-70
9.1	Gambarajah Lencana Pangkat Pasukan Bantuan Sukarela (PBS) – Lencana Kain	69
9.2	Gambarajah Lencana Pangkat Belia – Lencana Kain	70
10.	Gambarajah Kedudukan Lencana	71-74
10.1	Kedudukan Lencana Jurulatih PBSMM	71
10.2	Kedudukan Lencana Ketua Utama Seksyen dan lencana Kepimpinan Belia	72
10.3	Kedudukan Lencana Kecekapan Belia Di Sebelah Lengan Kiri	73
10.4	Kedudukan Lencana Kecekapan Kanak-Kanak di Sebelah Lengan Kiri	74

**BUKU PANDUAN NO. 5**

**PAKAIAN SERAGAM**

**PERSATUAN BULAN SABIT MERAH MALAYSIA**

**PENDAHULUAN**

Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia (PBSMM) adalah diantara Persatuan persatuan Kebangsaan PergerakanPalang Merah dan Bulan Sabit Merah seluruh dunia yang mempunyai pakaian seragam tersendiri. Kegunaan pakaian seragam ini diamalkan semenjak ianya ditubuhkan dalam tahun 1948

Buku Panduan No. 5 ini adalah bertujuan untuk memberi panduan pakaian seragam yang seharusnya diikuti oleh semua ahli PBSMM. Tiap-tiap jenis pakaian seragam yang terdapat dalam Buku Panduan ini adalah untuk pemakaian bagi tugas-tugas tertentu atau seperti yang disyaratkan dalam keadaan tertentu atau seperti yang diarahkan oleh pihak atasan. Ada diantara pakaian seragam, seperti Pakaian Seragam Wanita yang mempunyai pilihan. Pilihan ini akan ditentukan oleh pihak yang memerintah sesuatu unit mengikut arahan dari pihak atasan.

Walau apa pun pakaian seragan atau pilihan yang telah ditetapkan, tiap-tiap pemakaian hendaklah mengikut garis-garis panduan yang telah ditetapkan di dalam Buu Panduan ini. Segala kemosyikilan mengenainya hendaklah dirujuk kepada Ibu Pejabat Kebangsaan PBSMM mengikut saluran tertentu yang telah ditetapkan oleh Perlembagaan Persatuan. Setiap ahli PBSMM dilarang mengubah atau menokok-tambah pakaian seragam yang telah ditetapkan.

Pakaian Seragam digunakan untuk mempamerkan identity PBSMM. Ianya juga bertujuan bagi memupuk semangat disiplin dikalangan ahli. Dengan itu Pakaian Seragam harus dipakai dengan kemas dan bangga dan tidak dipakai sewenang-wenangnya sehingga membawa aib kepada ahli yang memakainya dan PBSMM pada keseluruhannya. Pegawai Disiplin atau Ketua di dalam sesuatu unit PBSMM bertanggungjawab bagi menentukan supaya pakaian seragam itu dipakai dengan betul dan kemas.

Bersama-samaalah kita menentukan supaya Pakaian Seragam PBSMM yang dipakai tidak mendatangkan aib dan menjatuhkan imej, nama dan maruah PBSMM pada keseluruhannya.

## **SEKSYEN 1**

# **SYARAT-SYARAT AM**

## **SEKSYEN 1**

### **SYARAT-SYARAT AM**

- 1.1 Pakaian-pakaian seragam PBSMM hendaklah dipakai lengkap dengan peralatan yang telah diperuntukkan bagi tiap-tiap jenis pakaian seragam.
- 1.2 Semua peralatan seperti pingat-pingat, reben (ribbons) dan sebagainya hendaklah mengikut spesifikasi yang telah diluluskan oleh Majlis Kebangsaan dan dibeli secara persendirian.
- 1.3 Pakaian Seragam PBSMM hanya boleh dipakai semasa menjalankan tugas PBSMM.
- 1.4 Ahli-ahli tidak dibenarkan menukar warna atau fesyen pakaian seragam atau menokok-tambah atau mengubah pakaian dan peralatan yang digunakan.
- 1.5 Barang-barang kemas tidak boleh dipakai semasa memakai pakaian seragam PBSMM jam tangan dan cincin perkahwinan.
- 1.6 Ahli-ahli yang telah diberhentikan atau meletakkan jawatan adalah dilarang memakai pakaian seragam atau lencana PBSMM.
- 1.7 Mereka yang mewakili PBSMM ke luar Negara hendaklah memakai Pakaian Seragam yang bersesuaian mengikut arahan atau garis panduan yang disyaratkan.
- 1.8 Hanya mereka yang beragama Sikh sahaja dibenarkan memakai sarban mengikut spesifikasi yang ditetapkan.
- 1.9 Pakaian Seragam Wanita No. 10 mempunyai pilihan untuk mereka yang beragama Islam.
- 1.10 Hanya jawatan-jawatan yang disenaraikan dalam Seksyen 7 sahaja mempunyai pangkat seperti di dalam Seksyen 8.

(1)

## **SEKSYEN 2**

# **PERALATAN PAKAIAN SERAGAM**

## **SEKSYEN 2**

### **PERALATAN PAKAIAN SERAGAM**

- 2.1 **Lambang Di Lengan Baju** - Lambang Bulan Sabit Merah dengan perkataan “Bulan Sabit Merah Malaysia”.
- 2.2 **Tanda Negeri** - Nama negeri dengan huruf berwarna merah.
- 2.3 **Tongkat Pegawai** - Pegawai yang berhak memakai tongkat oalah yang berpangkat M ke atas sahaja.  
  
Tongkat kayu berwarna hitam dengan lambing Bulan Sabit Merah di atas kepala tongkat.
- 2.4 **Lencana Topi/Peak Cap / Songkok / Bowler Hat / Sarban** -  
a) Lencana Topi bersulam untuk pegawai sahaja.  
b) Lencana topi logam untuk lain-lain anggota.  
c) Lencana kain untuk kanak-kanak (Link).
- 2.5 **Tipi untuk Pegawai Lelaki** -  
a) Peak Cap Biru Gelap dengan lencana bersulam.  
b) Songkok Baldu Hitam dengan lencana bersulam.  
c) Beret Biru Gelap dengan lencana bersulam.  
d) Topi ‘Baseball Cap’ hitam dengan lencana kain.
- 2.6 **Topi Untuk Lain-lain Anggota (Lelaki & Wanita)** -  
a) Beret Biru Gelap dengan lencana logam untuk lain-lain anggota.  
b) Topi ‘Baseball Cap’ Merah & Putih untuk kanak-kanak (Link).
- 2.7 **Topi untuk Pegawai Wanita** -  
a) Topi Bowler Biru Gelap dengan lencana bersulam.  
b) Beret Biru Gelap dengan lencana bersulam . Topi ‘Baseball Cap’ hitam dengan lencana kain.

(2)

- 2.8 **Songkok untuk Pegawai**
- a) Songkok Baldu hitam dengan lencana bersulam.
- 2.9 **Sarban (Bagi mereka yang beragama sikh sahaja )**
- a) Sarban Biru Gelap dengan lencana bersulam untuk pegawai.
  - b) Sarban Biru Gelap dengan lencana logam untuk lain-lain anggota.
- 2.10 **Jalur Topi Pegawai Peak Cap**
- a) Dua Jalur Bunga Padi Emas bagi pangkat MPP ke atas.
  - b) Satu Jalur Bunga Padi Emas bagi pangkat MP dan M.
  - c) Tanpa Jalur bagi pangkat PPP ke bawah.
- 2.11 **Jalur Topi Pegawai Songkok.**
- a) **Pegawai yang memakai pangkat M ke atas.**  
Satu Jalur Baldu Merah Tua (**1 sm**) diantara dua jalur emas (**1.5 sm**) di tengah-tengah songkok dan satu jalur emas (**0.3 sm**) di bahagian bawah.  
  
b) Pegawai yang memakai pangkat PPP ke bawah.  
Satu Jalur Baldu Merah Tua (1 sm) dinatara dua jalur emas (1 sm) di tengah-tengah songkok dan satu jalur emas (.3sm) di bahagian bawah.
- 2.12 **Jalur Topi Pegawai Wanita – Bowler Hat.**
- a) Pegawai yang memakai pangkat MPP ke atas.  
Datu Jalur Bunga Padi Emas dan Chinstay Warna Emas.
  - b) Pegawai yang memakai pangkat MO & M.  
Satu Jalur Bunga Padi Emas dan Chinstay Warna hitam.

(3)

- c) Pegawai yang memakai pangkat PPP ke bawah.  
Chinstay Warna Hitam sahaja tanpa jalur.
- 2.13 **Lanyard & Hook** -
  - a) Lanyard hitam berbunga untuk pegawai
  - b) Lanyard hitam tanpa berbunga untuk lain-lain anggota.
- 2.14 **Tag Nama** -
  - a) Warna hitam dengan tulisan huruf besar warna putih, berukuran 7.5 sm panjang dan 2.5 sm lebar.
  - b) Ejaan nama tidak lebih dari 8 huruf ukuran ketinggian huruf 1.5 sm.
- 2.15 **Epolet** -
  - a) Pegawai yang memakai pangkat MPP ke atas.  
Epolet biru gelap dengan jalur bunga padi emas ditepi. (lihat Seksyen 8)
  - b) Pegawai yang memakai pangkat MP & M.  
Epolet biru gelap dengan jalur emas di tepi (lihat Seksyen 8).
  - c) Pegawai yang memakai pangkat PPP ke bawah.  
Epolet biru gelap tanpa jalur.
- 2.16 **Gojet** -
  - a) Pegawai yang memakai pangkat MPP ke atas.  
Gojet warna merah dengan bunga padi emas di tengah dan butang kecil BSM.  
Gojet Panjang untuk pakaian Istiadat No. 1 dan Gojet Pendek untuk pakaian No. 2 an 3 sahaja.

- 2.17 **Lencana Kolar BSM** - a) Pegawai yang memakai pangkat MP ke bawah.  
Lencana kolar BSM Kecil (Collar Dot) warna emas dipakai bersama Pakaian Istiadat – No. 1 sahaja.
- 2.18 **Tali pinggang** - a) Tali pinggang Nylon Putih serta kepala logam lambing BSM dipakai bersama seluar warna putih.  
b) Tali pinggang Nylon Biru Gelap serta kepala logam lambing BSM dipakai bersama seluar warna biru gelap.
- 2.19 **Aiguilet (Dipakai untuk Pakaian Istimewa No. 1)** - a) Pegawai yang memakai pangkat MPP ke atas.  
Aiguilet Warna Emas Berbintik Merah dengan Dua Knob.  
  
Pegawai yang memakai pangkat MP ke bawah.  
Aiguilet Warna Emas berbintik Merah dengan Satu Knob.
- 2.20 **Logo Bulan Sabit Merah dan Tanda Negeri** - a) Dipasang di kedua-kedua belah lengan baju pakaian seragam KECUALI :  
  - Pakaian No. 10 Wanita (Pilihan)
  - Baju "T" PBSMM.
  - Vest PBSMM
  - Wet Suit.
  - Petugas Pengendalian Boat.
  - Baju Hujan.

**Nota : K – KERIS, B- BINTANG , M – MAHKOTA, P – PAKU**

## **SEKSYEN 3**

**PEMAKAIAN BINTANG-  
BINTANG  
KEBESARAN/PINGAT/M  
MEDAL REBEN.**

### **SEKSYEN 3**

#### **PEMAKAIAN BINTANG-BINTANG KEBESARAN/PINGAT/MEDAL REBEN.**

- 3.1 Pemakaian Bintang-bintang Kebesaran dan Pingat-pingat adalah seperti berikut :-
- 3.1.1. Dipakai bersama dengan kain selepang (sash) beserta semua Darjah-darjah Kebesaran, Bintang-bintang Kehormatan dan Pingat-pingat Persekutuan/Negeri-negeri dan PBSMM.
  - 3.1.2. Bintang-bintang Kehormatan dan Pingat-pingat hendaklah dipakai di atas dada sebelah kiri tergantung pada pitanya. Jika lebih dari satu hendaklah disusun teratur dan lurus, penganugerahan yang tinggi sekali disebe;ah kanan hamper dengan tengah dada. Semua Bintang Kehormatan dan Pingat hendaklah dipakai dengan sebelah hadapannya menghadap keluar.
  - 3.1.3. Jika Bintang Kebesaran/Pingat itu lebih dari 6 buah ia hendaklah disusun bergantung pada satu palang bertindih antara satu dengan lain. Palang tersebut hendaklah tidak lebih dari 6 inci dan disematkan dama tengah supaya kedudukan kaki Bintang-bintang Kebesaran/Pingat-pingat tersebut betul-betul di atas bahagian atas pelapis (flap) poket baju.
  - 3.1.4. Apabila Bintang-bintang/Pingat-pingat yang tersangkut pada satu palang itu terlalu banyak, hendaklah disusun bertindih kasih dengan permukaan Bintang atau Pingat yang terkanan sekali kelihatan jelas.
  - 3.1.5. Pingat-pingat PBSMM hendaklah dipakai selepas Pingat-pingat Persekutuan/Negeri mengikut kekanannya mulai dari kanan ke kiri.
  - 3.1.6. Bintangbintang Kebesaran/Pingat-pingat/Medal hendaklah dipakai ketika memakai Pakaian istiadat No. 1.
- 3.2 Pemakaian Medal/Reben (sebagai menggantikan Bintang-bintang Kebesaran/Pingat) adalah seperti berikut :-
- 3.2.1. Medal reben hendaklah tidak melebihi empat dalam sebaris. Jika ada lima (5) medal reben, ianya hendaklah disusun 2 reben ditaris atas dan 3 reben di baris bawah mengikut kekanannya, dari kanan ke kiri. Medal reben dipakai dengan Pakaian No. 2 di atas poket dada sebelah kiri.

## **SEKSYEN 4**

**KEGUNAAN  
TIAP-TIAP JENIS PAKAIAN  
SERAGAM PBSMM**

## **SEKSYEN 4**

### **KEGUNAAN TIAP-TIAP JENIS PAKAIAN SERAGAM PBSMM**

#### **4.1 PAKAIAN ISTIADAT NO. 1 – PEGAWAI LELAKI**

- 4.1.1 Menghadiri Majlis Penganugerahan Pingat dan Bintang Kebesaran Persekutuan/Negeri/PBSMM/dll.
- 4.1.2 Terlibat dengan perbarisan kehormatan atau menghadiri sebagai jemputan rasmi.
- 4.1.3 Mengikut arahan.

#### **4.2 PAKAIAN SERAGAM NO. 2 – PEGAWAI LELAKI**

- 4.2.1 Terlibat dengan perbarisan rasmi sebagai Ketua Kontijen atau menghadiri sebagai jemputan rasmi.
- 4.2.2 Menghadiri mesyuarat rasmi/kursus/seminar/dll.
- 4.2.3 Mengikut arahan.

#### **4.3 PAKAIAN SERAGAM NO. 3 – PEGAWAI LELAKI**

- 4.3.1 Menghadiri mesyuarat rasmi/kursus/seminar/dll.
- 4.3.2 Tugas Khas dan Latihan Medan.
- 4.3.3 Mengikut Arahan.

#### **4.4 PAKAIAN SERAGAM NO. 4 – PASUKAN BANTUAN SUKARELA (PBS) – LELAKI**

- 4.4.1 Terlibat dengan perbarisan kehormatan atau menghadiri sebagai jemputan rasmi
- 4.4.2 Menerima Pinagt/Sijil Pernghargaan PBSMM/dll.
- 4.4.3 Tugas Khas dan Latihan Medan.
- 4.4.4 Mengikut Arahan.

#### **4.5 PAKAIAN SERAGAM NO. 5 – BELIA /PASUKAN BANTUAN SUKARELA (KAWALAN KEHORMATAN) LELAKI**

- 4.5.1 Terlibat sebagai ahli Kawalan Kehormatan
- 4.5.2 Mengikut arahan.

(7)

**4.6 PAKAIAN SERAGAM NO. 6 – ANGGOTA AMBULANS – LELAKI**

- 4.6.1 Dikhaskan untuk kakitangan dan ahli-ahli sukarelawan Perkhidmatan Ambulans Kecemasan.
- 4.6.2 Mengikut Arahan.

**4.7 PAKAIAN SERAGAM NO. 7 – UNIT KECEMASAN BERMOTOSIKAL (EMU) – LELAKI**

- 4.7.1 Dikhaskan untuk kakitangan dan ahli-ahli Sukarelawan Perkhidmatan Ambulans Kecemasan Bermotosikal (EMU).
- 4.7.2 Mengikut Arahan

**4.8 PAKAIAN SERAGAM NO. 8- BELIA & KANAK-KANAK (LINK) – LELAKI**

- 4.8.1 Tugas Khas dan Latihan Medan.
- 4.8.2 Mengikut Arahan.

**4.9 PAKAIAN SERAGAM NO. 9 – PEGAWAI/PASUKAN BANTUAN SUKARELA (PBS) BELIA DAN KANAK-KANAK (LINK) – LELAKI**

- 4.9.1 Tugas Khas dan Latihan Medan.
- 4.9.2 Mengikut Arahan.

**PAKAIAN SERAGAM WANITA**

**4.10 PAKAIAN ISTIADAT NO. 10 PEGAWAI WANITA**

- 4.10.1 Menghadiri Majlis Penganugerahan Pingat dan Bintang Kebesaran Persekutuan/Negeri/PBSMM/dll.
- 4.10.2 Terlibat dengan perbarisan kehormatan atau menghadiri sebagai jemputan rasmi.
- 4.10.3 Mengikut arahan

**4.11 PAKAIAN SERAGAM NO. 2 – PEGAWAI WANITA**

- 4.11.1 Terlibat dengan perbarisan rasmi sebagai Ketua Kontjen atau menghadiri sebagai jemputan rasmi.
- 4.11.2 Menghadiri mesyuarat rasmi/kursus/seminar/dll.
- 4.11.3 Mengikut arahan.

(8)

**4.12 PAKAIAN SERAGAM NO. 3 – PEGAWAI WANITA**

- 4.12.1 Menghadiri mesyuarat rasmi/kursus/seminar/dll.
- 4.12.2 Tugas Khas dan Latihan Medan.
- 4.12.3 Mengikut Arahan.

**4.13 PAKAIAN SERAGAM NO. 4 – PASUKAN BANTUAN SUKARELA (PBS) – WANITA**

- 4.13.1 Terlibat dengan perbarisan kehormatan atau menghadiri sebagai jemputan rasmi
- 4.13.2 Menerima Pinagt/Sijil Pernghargaan PBSMM/dll.
- 4.13.3 Tugas Khas dan Latihan Medan.
- 4.13.4 Tiap-tiap Kawalan Kehormatan henaklah seragam dengan memilih sama ada Pakaian Seragam No. 4A atau 4B.
- 4.13.5 Mengikut Arahan.

**4.14 PAKAIAN SERAGAM NO. 5 – BELIA /PASUKAN BANTUAN SUKARELA (KAWALAN KEHORMATAN) WANITA**

- 4.14.1 Terlibat sebagai ahli Kawalan Kehormatan
- 4.14.2 Mengikut arahan.

**4.15 PAKAIAN SERAGAM NO. 6 – ANGGOTA AMBULANS –WANITA**

- 4.15.1 Dikhaskan untuk kakitangan dan ahli-ahli sukarelawan Perkhidmatan Ambulans Kecemasan.
- 4.15.2 Mengikut Arahan.

**4.16 PAKAIAN SERAGAM NO. 7 – UNIT KECEMASAN BERMOTOSIKAL (EMU) – WANITA**

- 4.16.1 Dikhaskan untuk kakitangan dan ahli-ahli Sukarelawan Perkhidmatan Ambulans Kecemasan Bermotosikal (EMU).
- 4.16.2 Mengikut Arahan

**4.17 PAKAIAN SERAGAM NO. 8- BELIA & KANAK-KANAK (LINK) – WANITA**

- 4.17.1 Tugas Khas dan Latihan Medan.
- 4.17.2 Mengikut Arahan.

**4.18 PAKAIAN SERAGAM NO. 9 – PEGAWAI/PASUKAN BANTUAN SUKARELA (PBS) BELIA DAN KANAK-KANAK (LINK) – WANITA**

- 4.18.1 Tugas Khas dan Latihan Medan.
- 4.18.2 Mengikut Arahan.

**4.19 PAKAIAN SERAGAM NO. 10 – PEGAWAI DAN LAIN-LAIN ANGGOTA WANITA (PILIHAN)]**

- 4.19.1 Menghadiri Majlis Penganugerahan Pingat dan Bintang Kebesaran Persekutuan/Negeri/PBSMM/dll.
- 4.19.2 Terlibat dengan perbarisan kehormatan atau menghadiri sebagai jemputan rasmi.
- 4.19.3 Mengikut arahan

**PAKAIAN SERAGAM GUNASAMA/KHAS**

**4.20 PAKAIAN UNTUK PETUGAS BAHAGIAN DAPUR & SAJIAN – LELAKI & WANITA.**

- 4.20.1 Bertugas di bahagian dapur
- 4.20.2 Mengikut arahan.

**4.21 PAKAIAN ‘WET SUIT’ ANGGITA PENYELAMAT DALAM AIR PBSMM LELAKI & WANITA.**

- 4.21.1 Bencana di air
- 4.21.2 Operasi menyelamat di air
- 4.21.3 Latihan Medah
- 4.21.4 Mengikut arahan

(10)

**4.22 PAKAIAN SERAGAM PETUGAS PENGENDALIAN BOT PENYELAMAT PBSMM – LELAKI & WANITA**

- 4.22.1 Semasa berlaku bencana di air
- 4.22.2 Mengikut arahan

**4.23 BAJU HUJAN PBSMM – LELAKI & WANITA**

- 4.23.1 Untuk semua ahli-ahli PBSMM ketika hujan dan dalam tugas rasmi.

**4.24 TOPI ‘BASE BALL’ – LELAKI & WANITA**

- 4.24.1 Dipakai bersama ‘Vest PBSMM’
- 4.24.2 Mengikut arahan.

**4.25 PAKAIAN ‘VEST’ UNTUK ANGGITA AMBULANS (LELAKI & WANITA)**

- 4.25.1 Bertugas shif petang dan malam selepas jam 7.00 malam.
- 4.25.2 Bertugas di kawasan bencana
- 4.25.3 Semasa cuaca gelap
- 4.25.4 Tujuan keselamatam
- 4.25.5 Untuk tujuan pengenalan organisasi.
- 4.25.6 Mengikut arahan.

**4.26 PAKAIAN ‘VEST’ PBSMM (LELAKI & WANITA)**

- 4.26.1 Bertugas di kawasan bencana.
- 4.26.2 Terlibat dengan latihan.
- 4.26.3 Tujuan Keselamatan.
- 4.26.4 Untuk tujuan pengenalan organisasi
- 4.26.5 Boleh dipakai dengan pakaian pereman/pakaian seragam.
- 4.26.6 Mengikut arahan.

## **SEKSYEN 5**

**GAMBARAJAH TIAP-TIAP JENIS PAKAIAN SERAGAM PBSMM**

## **PAKAIAN ISTIADAT NO. 1 – PEGAWAI LELAKI**

### **Mengandungi:-**

- a. Jeket lengan panjang putih 2 poket atas (patch pocket) kanan dan kiri.
- b. Seluar panjang biru gelap lurus dua poket serong hadapan dan satu poket belakang sebelah kanan serta jalur satin (piping) warna merah tua di sepanjang kedua belah luar dan tiada lipatan di sebelah bawah.
- c. Songkok baldu hitam dengan lencana sulam Bulan Sabit Merah.
- d. Epolet Biru Gelap dan Pangkat
- e. Aiguilet Warna Emas Berbintek Merah.
- f. Gojet Merah Panjang sepasang (Pegawai yang berhak sahaja)
- g. Lencana Kolar (Collar Dot) Bulan Sabit Merah sepasang (warana emas) dipakai oleh semua pegawai berpangkat MP ke bawah, bagi Pakaian Seragam No. 1 sahaja.
- h. Bintang-Bintang Kebesaran dan Pingat-Pingat (jika ada).
- i. Tanda Negeri (di kiri dan kanan lengan baju).
- j. Lambang Bulan Sabit Merah (di kiri dan kanan lengan baju bawah Tanda Negeri).
- k. 19 butang Bulan Sabit Merah (Warna Emas)

#### **Besar:**

- 7 di Jeket

#### **Kecil:**

- 2 di Gojet (Pegawai yang berhak sahaja)
- 2 di bahu
- 2 di poket atas
- 6 di bahagian bawah lengan baju (3 di kiri dan 3 di kanan)

- l. Kasut kulit hitam bertali dan stoki hitam.
- m. Sarung tangan putih (sepasang)  
(13)

## **PAKAIAN SERAGAM NO. 2 – PEGAWAI LELAKI**

**Mengandungi:-**

a.	Bush Jeket lengan pendek putih dengan dikeluarkan pelapik poket bawah.
b.	Seluar Panjang Putih (lurus tiada lipatan sebelah bawah dan satu poket di belakang sebelah kanan)
c.	Topi Peak Biru Gelap dengan lencana sulam Bulan Sabit Merah.
d.	Tag Nama (di sebelah kanan).
e.	Gojet Merah sepasang dengan butang kecil Bulan Sabit Merah (Pegawai yang berhak sahaja)
f.	Medal Reben.
g.	Epolet Biru Gelap dan pangkat.
h.	Tanda Negeri ( di kiri dan kanan lengan baju)
i.	Lambang Bulan Sabit Merah (di kiri dan kanan lengan baju bawah Tanda Negeri).
j.	10 butang Bulan Sabit Merah <b>Besar:</b> <ul style="list-style-type: none"><li>• 4 di Jeket</li></ul> <b>Kecil:</b> <ul style="list-style-type: none"><li>• 2 di Gojet (Pegawai yang berhak sahaja)</li><li>• 2 di bahu</li><li>• 2 di poket atas</li></ul>
k.	Lanyard Hitam Berbunga dengan Hook dan Wisel.
l.	Kasut Kulit Hitam bertali dan Stokin Hitam.
M	Tali Pinggang Nylon Putih serta kepala logam lambang Bulan Sabit Merah.

(15)

### **PAKAIAN SERAGAM NO. 3 – PEGAWAI LELAKI**

**Menganuungi:-**

- a. Kemeja lengan pendek putih (masuk ke dalam).
- b. Seluar Panjang Puteh (lurus tiada lipatan sebelah bawah dan satu poket di belakang sebelah kanan)
- c. Beret Biru Gelap dengan lencana sulam Bulan Sabit Merah.
- d. Tag Nama (di sebelah kanan).
- e. Gojet Merah sepasang dengan butang kecil Bulan Sabit Merah (Pegawai yang berhak sahaja)
- f. Medal Reben.
- g. Epolet Biru Gelap dan pangkat.
- h. Tanda Negeri ( di kiri dan kanan lengan baju)
- i. Lambang Bulan Sabit Merah (di kiri dan kanan lengan baju bawah Tanda Negeri).
- j. 10 butang Bulan Sabit Merah

**Besar:**

- 4 di Jeket

**Kecil:**

- 2 di Gojet (Pegawai yang berhak sahaja)
- 2 di bahu
- 2 di poket atas

- k. Lanyard Hitam Berbunga dengan Hook dan Wisel.

- l. Kasut Kulit Hitam bertali dan Stokin Hitam.

M Tali Pinggang Nylon Putih serta kepala logam lambang Bulan Sabit Merah.

## **PAKAIAN SERAGAM NO. 4 – PASUKAN BANTUAN SUKARELA (LELAKI)**

### **Mengandungi:-**

- a. Kemeja lengan pendek putih (masuk ke dalam).
- b. Seluar Panjang Puteh (lurus tiada lipatan sebelah bawah dan satu poket di belakang sebelah kanan dan poket hadapan serong)
- c. Beret Biru Gelap dengan lencana sulam Bulan Sabit Merah.
- d. Tag Nama (di sebelah kanan).
- e. Medal Reben
- f. Epolet – Kain yang sama di jahit lipatan 2 inci.
- g. Tanda Negeri ( di kiri dan kanan lengan baju)
- h. Lambang Bulan Sabit Merah (di kiri dan kanan lengan baju bawah Tanda Negeri).
- i. 8 butang Bulan Sabit Merah  
**Kecil:**
  - 2 di bahu
  - 2 di poket ats
  - 4 di Jeket
- j. Lanyard Hitam Berbunga dengan Hook dan Wisel.
- k. Kasut Kulit Hitam bertali dan Stokin Hitam.
- l. Tali Pinggang Nylon Putih serta kepala logam lambang Bulan Sabit Merah.

(19)

**PAKAIAN SERAGAM NO. 5 – BELIA/PASUKAN BANTUAN SUKARELA –**  
**KAWALAN KEHORMATAN (LELAKI)**

**Mengandungi:-**

- a. Kemeja Lengan Pendek Putih (masuk ke dalam).
- b. Seluar Panjang Puteh (lurus tiada lipatan sebelah bawah dan satu poket di belakang sebelah kanan dan poket hadapan serong)
- c. Beret Biru Gelap dengan lencana sulam Bulan Sabit Merah dan Hackel Merah.
- d. Sarung Tangan putih sepasang.
- e. Mafla Merah (Satin)
- f. Tag Nama (di sebelah kanan).
- g. Medal Reben
- h. Epolet – Kain yang sama di jahit lipatan 2 inci.
- i. Tanda Negeri ( di kiri dan kanan lengan baju)
- j. Lambang Bulan Sabit Merah (di kiri dan kanan lengan baju bawah Tanda Negeri).
- k. 8 butang Bulan Sabit Merah  
**Kecil:**
  - 2 di bahu
  - 2 di poket ats
  - 4 di Jeket
- l. Lanyard Hitam Tidak Berbunga dengan Hook dan Wisel.
- m. Kasut Kulit Hitam bertali dan Stokin Hitam.
- n. Tali Pinggang Nylon Putih serta kepala logam lambang Bulan Sabit Merah.

### **PAKAIAN SERAGAM NO. 6 – ANGGOTA AMBULANS LELAKI)**

**Mengandungi:-**

- a. Kemeja Lengan Pendek Putih (masuk ke dalam).
- b. Seluar Panjang Biru Gelap (lurus tiada lipatan sebelah bawah dan satu poket di belakang sebelah kanan dan poket hadapan serong)
- c. Tali Pinggang Nylon Biru Gelap serta kepala logam Bulan sabit Merah.
- d. Beret Biru Gelap dengan lencana logam Bulan Sabit Merah.
- e. Lambang Bulan Sabit Merah (sebelah kanan dan kiri lengan baju)
- f. Logo Bulan Sabit Merah ( di poket baju sebelah kiri)
- g. Pengenalan Ibu Pejabat Kebangsaan /Cawangan (sebelah kanan dan kiri lengan baju)
- h. Nama (sebelah kanan atas poket tulisan jahitan putih berlatar belakang hitam)
- i. **Butang Biasa** 2 di bahu , 2 di poket atas dan 5 di baju (mengikut kesesuaian) .
- j. Tanda pengenalan diri di atas poket sebelah kiri dengan tulisan putih berlatar belakang hitam menggunakan perkataan ‘**KECEMASAN**’
- k. Kasut Kulit Hitam bertali dan Stokin Hitam.

**PAKAIAN SERAGAM NO. 7 – UNIT KECEMASAN BERMOTOSIKAL (EMU)**  
**( LELAKI )**

**Mengandungi:-**

a.	Kemeja Lengan Pendek Putih (masuk ke dalam)- sama seperti Pakaian Seragam No. 6 – Anggota Ambulans
b.	Seluar Panjang Biru Gelap (lurus tiada lipatan sebelah bawah dan satu poket di belakang sebelah kanan dan poket hadapan serong)
c.	Tali Pinggang Nylon Biru Gelap serta kepala logam Bulan Sabit Merah.
d.	Topi Keledar Putih bersama Lambang Bulan Sabit Merah di bahagian hadapan.
e.	Lambang Bulan Sabit Merah (sebelah kanan dan kiri lengan baju)
f.	Logo Bulan Sabit Merah ( di poket baju sebelah kiri)
g.	Pengenalan Ibu Pejabat Kebangsaan /Cawangan (sebelah kanan dan kiri lengan baju)
h.	Nama (sebelah kanan atas poket tulisan jahitan putih berlatar belakang hitam)
i.	<b>Butang Biasa</b> 2 di bahu , 2 di poket atas dan 5 di baju (mengikut kesesuaian) .
j.	Tanda pengenalan diri di atas poket sebelah kiri dengan tulisan putih berlatar belakang hitam menggunakan perkataan ‘ <b>KECEMASAN</b> ’
k.	Kasut Kulit Hitam panjang ( long boot) dan Stokin Hitam.
l.	Jeket kulit hitam bersama logo Bulan Sabit Merah di sebelah kiri hadapan dan logo Bulan Sabit Merah serta perkataan <b>Ambulans Bulans Sabit Merah Malaysia</b> di bahagian belakang jeket.
m.	Sarung Tangan Kulit Hitam (sepasang)

Nota : Baju, tali pinggang, seluar sama seperti Pakaian Seragam No. 6 – Anggota Ambulans.

(25)

**PAKAIAN SERAGAM NO. 8 – BELIA/KANAK-KANAK ( LELAKI )**

**Mengandungi:-**

a.	Kemeja Lengan Pendek Putih, masuk ke dalam ( 2 poket atas sebelah kiri dan kanan )
b.	Seluar Panjang Putih ( lurus tiada lipatan sebelah bawah dan satu poket di belakang sebelah kanan dan poket hadapan serong)
c.	<b>Beret/Topi</b> (i) <b>Belia</b> – Beret Biru Gelap dengan lencana logam Bulan sabit Merah. (ii) <b>Kanak-Kanak</b> – Topi ‘ Baseball Cap’ Merah Putih.
d.	Tanda Negeri ( di kiri dan kanan lengan baju).
e.	Lambang Bulan Sabit Merah (sebelah kanan dan kiri lengan baju di bawah tanda Negeri).
i.	8 Butang Biasa Bualn Sabit Merah: <b>Kecil:</b> <ul style="list-style-type: none"><li>• 2 di bahu</li><li>• 2 di poket atas</li><li>• 4 di baju</li></ul>
j.	Tali Pinggang Putih Nylon dan kepala logam lambang Bulan sabit Merah.
k.	Kasut Kanvas Putih dan Stokin Putih
l.	Lanyard hitam tidak berbunga.

**PAKAIAN SERAGAM NO. 9 – PEGAWAI /PASUKAN BANTUAN SUKARELA  
BELIA/KANAK-KANAK (LINK) LELAKI**

**Mengandungi:-**

- a. Kemeja 'T' PBSMM lengan panjang / lengan pendek.
- b. Tag Nama (sebelah kanan)
- c. Topi untuk Pasukan bantuan Sukarela / Belia.
  - (i) **Pegawai** – Beret Biru Gelap dengan Lencan Sultan Bulan Sabit Merah .
  - (ii) **Lain-lain Ahli** – Beret Biru Gelap dengan lencana logam.
- d. Topi untuk Kanak-Kanak (Link):
  - (i) Topi 'Baseball Cap' Merah dan Putih dengan lencana kain Bulan Sabit Merah di tengah-tengah.
- e. **Kasut:-**
  - (i) **PBS** – Kasut Kulit Hitam bertali dengan Stokin Hitam.
  - (ii) **Ahli Sekolah** – Kasut Kanvas Putih dengan Stokin Putih.
- i. **Seluar:-**
  - (i) **PBS** – Seluar Putih, Talipinggang Putih dengan kepala logam Bulan Sabit Merah . **Untuk Tugas Luar** – Seluar Biru Gelap , Talipinggang Biru Gelap dengan kepala logam Bulan sabit Merah dan kasut keselamatan yang bersesuaian.
  - (ii) **Belia & kanak-Kanak** – Seluar Putih / Seluar Seragam sekolah Menengah / Sekolah Rendah.

## **PAKAIAN ISTIADAT NO. 1 – PEGAWAI WANITA**

**Mengandungi:-**

- a. Jeket lengan panjang putih 2 poket di bawah (slit pocket) kanan dan kiri. Jika memakai tudung hendaklah berwarna putih tanpa corak dan masukkan ke dalam leher baju.
- b. Sarung putih dengan lipatan ke dalam di bahagian hadapan (tanpa belah)
- c. Topi Bowler Biru Gelap dengan lencana sulam Bulan Sabit Merah.
- d. Epolet Biru Gelap dan Pangkat
- e. Aiguilet Warna Emas Berbintek Merah.
- f. Gojet Merah Panjang sepasang (Pegawai yang berhak sahaja)
- g. Lencana Kolar (Collar Dot) Bulan Sabit Merah sepasang (warana emas) dipakai oleh semua pegawai berpangkat MP ke bawah, bagi Pakaian Seragam No. 1 sahaja.
- h. Bintang-Bintang Kebesaran dan Pingat-Pingat (jika ada).
- i. Tanda Negeri (di kiri dan kanan legan baju).
- j. Lambang Bulan Sabit Merah (di kiri dan kanan lengan baju bawah Tanda Negeri).
- k. 15 butang Bulan Sabit Merah (Warna Emas)

**Besar:**

- 5 di Jeket

**Kecil:**

- 2 di Gojet (Pegawai yang berhak sahaja)
- 2 di bahu
- 6 di bahagian bawah lengan baju (3 di kiri dan 3 di kanan)

- I. Kasut Court Hitam dengan tumit setinggi 2 inci.

- M Sarung Tangan Putih (sepasang)

## **PAKAIAN SERAGAM NO. 2 – PEGAWAI WANITA**

### **Mengandungi:-**

- a. Jeket lengan panjang putih 2 poket di bawah (slit pocket) kanan dan kiri.
- b. Sarung putih dengan lapisan di dalam dan lipatan ke dalam di bahagian hadapan (tanpa belah) **atau** seluar panjang putih lurus.
- c. Topi Bowler Biru Gelap dengan lencana sulam Bulan Sabit Merah. Jika memakai tudung, hendaklah tudung putih tanpa corak dan masukkan ke dalam leher baju.
- d. Epolet Biru Gelap dan Pangkat
- e. Gojet Merah Pendek sepasang (Pegawai yang berhak sahaja)
- f. Medal Reben
- g. Tag Nama (di sebelah kanan).
- h. Tanda Negeri (di kiri dan kanan lengan baju).
- i. Lambang Bulan Sabit Merah (di kiri dan kanan lengan baju bawah Tanda Negeri).
- j. 8 butang Bulan Sabit Merah .

#### **Besar:**

- 4 di Jeket

#### **Kecil:**

- 2 di Gojet (Pegawai yang berhak sahaja)
- 2 di bahu

- k. Kasut Court Hitam dengan tumit setinggi 2 inci serta stokin mengikut warna kulit.

### **PAKAIAN SERAGAM NO. 3 – PEGAWAI WANITA**

#### **Mengandungi:-**

- a. Jeket lengan pendek putih 2 poket di bawah (slit pocket) kanan dan kiri.
- b. Skirt Putih 2 inci di bawah paras lutut **atau** sarung lurus putih dengan lapisan di dalam dan lipatan ke dalam di bahagian hadapan (tanpa belah) **atau** seluar panjang putih lurus.
- c. Topi Bowler Biru Gelap dengan lencana sulam Bulan Sabit Merah.
- d. Epolet Biru Gelap dan Pangkat
- e. Gojet Merah Pendek sepasang (Pegawai yang berhak sahaja)
- f. Medal Reben
- g. Tag Nama (di sebelah kanan).
- h. Tanda Negeri (di kiri dan kanan legan baju).
- i. Lambang Bulan Sabit Merah (di kiri dan kanan lengan baju bawah Tanda Negeri).
- j. 8 butang Bulan Sabit Merah

#### **Besar:**

- 4 di Jeket

#### **Kecil:**

- 2 di Gojet (Pegawai yang berhak sahaja)
- 2 di bahu

- k. Kasut Court Hitam dengan tumit setinggi 2 inci serta stokin mengikut warna kulit.

**PAKAIAN SERAGAM NO. 4A – PASUKAN BANTUAN SUKARELA**  
**(PBS/BELIA) WANITA**

**Mengandungi:-**

- a. Jeket lengan panjang putih dua poket di atas (Patch Pocket) kanan dan kiri. Jika memakai tudung hendaklah tudung putih tanpa corak dan dimasukkan ke dalam leher baju.
- b. Seluar panjang putih lurus **atau** sarung putih lurus.
- c. Beret Biru Gelap dengan lencana logam Bulan Sabit Merah.
- d. Lanyard Hitam tidak berbunga dengan Hook dan Wisel.
- e. Medal Reben.
- f. Tag Nama (sebelah kanan)
- g. Tanda Negeri (di kiri dan kanan legan baju).
- h. Lambang Bulan Sabit Merah (di kiri dan kanan lengan baju bawah Tanda Negeri).
- i. 8 butang Bulan Sabit Merah  
**Kecil:**
  - 2 di bahu
  - 2 di poket atas
  - 4 di jeket
  - Butang ketip di sebelah dalam di antara butang-butang di jeket.
- j. Kasut Hitam (tumit rata) bertali untuk Ahli PBS dan Stokin Hitam.

**PAKAIAN SERAGAM NO. 4B – PASUKAN BANTUAN SUKARELA**  
**(PBS/BELIA) WANITA**

**Mengandungi:-**

- a. Jeket lengan pendek putih dua poket di atas (Patch Pocket) kanan dan kiri.
- b. Skirt putih 2 inci di bawah paras lutut atau sarung lurus putih dengan lapisan di dalam dan lipatan ke dalam di bahagian hadapan tanpa belah atau seluar panjang lurus puih .
- c. Beret Biru Gelap dengan lencana logam, Bulan Sabit Merah.
- d. Lanyard Hitam tidak berbunga dengan Hook dan Wisel.
- e. Medal Reben.
- f. Tag Nama (sebelah kanan)
- g. Tanda Negeri (di kiri dan kanan legan baju).
- h. Lambang Bulan Sabit Merah (di kiri dan kanan lengan baju bawah Tanda Negeri).
- i. 8 butang Bulan Sabit Merah  
**Kecil:**
  - 2 di bahu
  - 2 di poket atas
  - 4 di jeket
  - Butang ketip di sebelah dalam di antara butang-butang di jeket.
- j. Kasut Kulit Hitam Bertali dan stokin hitam.

**PAKAIAN SERAGAM NO. 5A – BELIA / PASUKAN BANTUAN SUKARELA )**  
**KAWALAN KEHORMATAN - WANITA**

**Mengandungi:-**

- a. Jeket Putih lengan panjang.
- b. Seluar panjang lurus putih (lurus tiada lipatan sebelah bawah dan satu poket di belakang sebelah kanan dan poket hadapan sarong).
- c. Beret Biru Gelap dengan lencana logam Bulan Sabit Merah dan Hackel Merah.
- d. Lanyard Hitam tidak berbunga dengan Hook dan Wisel.
- e. Epolet ( kain yang sama di jahit lipatan 2 inci)
- f. Mafla Merah (satin)
- g. Sarung Tangan Putih (sepasang)
- h. Medal Reben.
- i. Tag Nama (sebelah kanan)
- j. Tanda Negeri (di kiri dan kanan lengan baju).
- k. Lambang Bulan Sabit Merah (di kiri dan kanan lengan baju bawah Tanda Negeri).
- l. 8 butang Bulan Sabit Merah  
**Kecil:**
  - 2 di bahu
  - 2 di poket atas
  - 4 di jeket
  - Butang ketip di sebelah dalam di antara butang-butang di jeket.
- m. Kasut Kulit Hitam Bertali dan stokin hitam.
- n. Tali Pinggang Putih Nylon serta kepala logam dengan lambang Bulan Sabit Merah.

**PAKAIAN SERAGAM NO. 5B – BELIA / PASUKAN BANTUAN SUKARELA )**  
**KAWALAN KEHORMATAN - WANITA**

**Mengandungi:-**

- a. Kemeja Putih lengan pendek (masuk ke dalam).
- b. Seluar panjang lurus putih (lurus tiada lipatan sebelah bawah dan satu poket di belakang sebelah kanan dan poket hadapan serong).
- c. Beret Biru Gelap dengan lencana logam Bulan Sabit Merah dan Hackel Merah.
- d. Lanyard Hitam tidak berbunga dengan Hook dan Wisel.
- e. Mafla Merah (satin)
- f. Sarung Tangan Putih (sepasang)
- g. Medal Reben.
- h. Tag Nama (sebelah kanan)
- i. Tanda Negeri (di kiri dan kanan lengan baju).
- j. Lambang Bulan Sabit Merah (di kiri dan kanan lengan baju bawah Tanda Negeri).
- k. 8 butang Bulan Sabit Merah

**Kecil:**

- 2 di bahu
  - 2 di poket atas
  - 4 di jeket
  - Butang ketip di sebelah dalam di antara butang-butang di jeket.
- I. Kasut Kulit Hitam Bertali dan stokin hitam.
  - m Tali Pinggang Putih Nylon serta kepala logam dengan lambang Bulan Sabit . Merah.

## **PAKAIAN SERAGAM NO. 6 – ANGGOTA AMBULANS - WANITA**

**Mengandungi:-**

- a. Kemeja Lengan Pendek Putih (lepas keluar).
- b. Seluar Panjang Biru Gelap (lurus tiada lipatan sebelah bawah dan satu poket di belakang sebelah kanan dan poket hadapan serong)
- c. Tali Pinggang Nylon Biru Gelap serta kepala logam Bulan Sabit Merah.
- d. Beret Biru Gelap dengan lencana logam Bulan Sabit Merah.
- e. Lambang Bulan Sabit Merah (sebelah kanan dan kiri lengan baju)
- f. Logo Bulan Sabit Merah ( di poket baju sebelah kiri)
- g. Pengenalan Ibu Pejabat Kebangsaan /Cawangan (sebelah kanan dan kiri lengan baju)
- h. Nama (sebelah kanan atas poket tulisan jahitan putih berlatar belakang hitam)
- i. **Butang Biasa** 2 di bahu , 2 di poket atas dan 5 di baju (mengikut kesesuaian) .
- j. Tanda pengenalan diri di atas poket sebelah kiri dengan tulisan putih berlatar belakang hitam menggunakan perkataan ‘ **KECEMASAN**’
- k. Kasut Kulit Hitam bertali dan Stokin Hitam.

**PAKAIAN SERAGAM NO. 7 – UNIT KECEMASAN BERMOTOSIKAL (EMU)**  
**WANITA**

**Mengandungi:-**

a.	Kemeja Lengan Pendek Putih (lepas keluar)- Sama seperti Pakaian Seragam No. 6 – Anggota Ambulans.
b.	Seluar Panjang Biru Gelap (lurus tiada lipatan sebelah bawah dan satu poket di belakang sebelah kanan dan poket hadapan serong)
c.	Tali Pinggang Nylon Biru Gelap serta kepala logam Bulan Sabit Merah.
d.	Topi Keledar putih bersama logo Bulan Sabit Merah di bahagian hadapan.
e.	Lambang Bulan Sabit Merah (sebelah kanan dan kiri lengan baju)
f.	Logo Bulan Sabit Merah ( di poket baju sebelah kiri)
g.	Pengenalan Ibu Pejabat Kebangsaan / Cawangan (sebelah kanan dan kiri lengan baju)
h.	Nama (sebelah kanan atas poket tulisan jahitan putih berlatar belakang hitam)
i.	<b>Butang Biasa</b> 2 di bahu , 2 di poket atas dan 5 di baju (mengikut kesesuaian) .
j.	Tanda pengenalan diri di atas poket sebelah kiri dengan tulisan putih berlatar belakang hitam menggunakan perkataan ‘ <b>KECEMASAN</b> ’
k.	Kasut Kulit Hitam Panjang (long boot).
l.	Jeket kulit hitam bersama logo Bulan Sabit Merah di sebelah hadapan dan logo Bulan Sabit Merah serta perkataan <b>Ambulans Bulan Sabit Merah Malaysia</b> di bahagian belakang jeket.
m.	Sarung tangan kulit hitam (sepasang).

**PAKAIAN SERAGAM NO. 8 – BELIA / KANAK-KANAK (LINK)**  
**WANITA**

**Mengandungi:-**

- a. Kemeja Putih lengan pendek masuk ke dalam ( dua poket atas sebelah kiri dan kanan)
- b. Seluar Panjang Putih (lurus). Dua poket potongan lurus dan satu poket belakang di sebelah kanan,
- c. **Belia**
  - (i) Beret Biru Gelap dan lencana logam Bulan sabit Merah.

**Kanak-kanak**

- (ii) ‘Baseball Cap’ Merah & Putih.
- d. Tanda Negeri ( di kiri dan kanan lengan baju di bawah Tanda Negeri)
- e. Lambang Bulan Sabit Merah (sebelah kanan dan kiri lengan baju)
- f. 8 Butang Kecil Bulan Sabit Merah
  - 2 di bahu
  - 2 di poket atas
  - 4 di baju
  - Butang ketip di sebelah dalam di antara butang-butang di baju.
- g. Tali Pinggang Putih Nylon dan kepala logam berlambang Bulan Sabit Merah.
- h. Kasut Kanvas Putih dan Stokin putih (Kasut sekolah)
- i. Lanyard Hitam tidak berbunga dengan Hook dan Wisel.
- j. Tanda pengenalan diri di atas poket sebelah kiri dengan tulisan putih berlatar belakang hitam menggunakan perkataan ‘**KECEMASAN**’

**PAKAIAN SERAGAM NO. 9 – BELIA / PASUKAN BANTUAN SUKARELA  
(PBS) / KANAK-KANAK (LINK) - WANITA**

**Mengandungi:-**

- a. Kemeja 'T' PBSMM lengan pendek / lengan panjang.
- b. Tag Nama (sebelah kanan)
- c. **PBS / Belia**
  - (ii) Beret Biru Gelap dan lencana logam Bulan Sabit Merah.

**Kanak-kanak**

- (ii) 'Baseball Cap' Merah & Putih.

d. **Kasut:-**

- (i) **PBS** – Kasul Kulit Hitam bertali dengan Stokin Hitam.
- (ii) **Belia / Kanak-Kanak** – Kasut Kanvas Putih dengan Stokin Putih.

e. **Seluar:-**

- (i) **PBS** – Seluar Putih, Tali Pinggang dengan kepala logam Bulan Sabit Merah. **Untuk Tugas Luar** – Seluar Biru Gelap, Tali Pinggang Biru Gelap dengan kepala logam Bulan Sabit Merah dan kasut keselamatan yang bersesuaian.
- (ii) **Ahli Sekolah** – Seluar Putih / Seluar Seragam Sekolah Menengah / Sekolah Rendah.

**PAKAIAN SERAGAM NO. 10 – PEGAWAI DAN LAIN-LAIN ANGGOTA -**  
**WANITA (PILIHAN)**

**Mengandungi:-**

- a. Baju Kurung Biasa Putih (tanpa corak).
- b. Sarung ‘A’ line putih
- c. Tudung Labuh warna putih (tanpa corak)
- d. Tag Nama ( di sebelah kanan)
- e. Lambang Bulan Sabit Merah ( di sebelah kiri)
- f. Tanda Negeri ( di sebelah kiri atas lambang Bulan Sabit Merah)
- g. Kasut:
  - (i) **Pegawai** – Kasut Kulit Hitam (Tumit Rata ) dan Stokin mengikut warna kulit.
  - (ii) **Ahli Biasa** – Kasut Kanvas Putih dan Stokin Putih

## **SEKSYEN 7**

# **SENARAI JAWATAN- JAWATAN DALAM PBSMM**

## **SEKSYEN 7**

### **SENARAI JAWATAN-JAWATAN DALAM PBSMM**

<b>KEBANGSAAN</b>	
1.	Penaung (DiRaja) Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agung
2.	Presiden
3.	Timbalan Presiden
4.	Naib Presiden
5.	Penasihat Kehormat
6.	Pengerusi Kebangsaan
7.	Timbalan Pengerusi Kebangsaan
8.	Naib Pengerusi Kebangsaan
9.	Bendahari Kehormat Kebangsaan
10.	Pegawai Yang Di Pilih (Ahli NEB)
11.	Ahli-ahli Jawatankuasa Kebangsaan

<b>STAF IBU PEJABAT KEBANGSAAN</b>	
<b>Bil</b>	<b>Senarai Jawatan</b>
1.	Setiausaha Agung
2.	Pengarah
3.	Ketua Bahagian
4.	Pegawai Bahagian
5.	Pegawai Perkhidmatan Kecemasan (ESO)
6.	Penolong Pegawai Tadbir (Bahagian)
7.	Pembantu Perubatan Ambulans (AMA)

<b>CAWANGAN</b>	
<b>Bil</b>	<b>Senarai Jawatan</b>
1.	Penaung (DiRaja)
2.	Penaung
3.	Pengerusi
4.	Penasihat Kehormat
5.	Timbalan Pengerusi
6.	Naib Pengerusi (1 & II)
7.	Pengarah
8.	Penolong Pengarah (Latihan, Belia dan PBS)
9.	Setiausaha Kehormat
10.	Bendahari Kehormat
11.	Pegawai Perubatan
12.	Penguasa Rawatan MA/SRN
13.	Kuartermaster
14.	Ahli Jawatankuasa Cawangan
15.	Duta Muhibbah

<b>STAF CAWANGAN</b>	
<b>Bil</b>	<b>Senarai Jawatan</b>
1.	Pegawai Tadbir Cawangan

<b>CABANG</b>	
<b>Bil</b>	<b>Senarai Jawatan</b>
1.	Pengerusi
2.	Penasihat Kehormat
3.	Timbalan Pengerusi
4.	Naib Pengerusi (1 & II)
5.	Penolong Pengarah (Latihan, Belia dan PBS)
6.	Setiausaha Kehormat
7.	Bendahari Kehormat
8.	Pegawai Perubatan
9.	Penguasa Rawatan MA/SRN
10.	Kuartermaster
11.	Ahli Jawatankuasa Cawangan
12.	Ahli Jawatankuasa Cabang

<b>STAF CABANG</b>	
<b>Bil</b>	<b>Senarai Jawatan</b>
1.	Pegawai Tadbir

<b>PASUKAN BANTUAN SUKARELA (PBS)</b>	
<b>Bil</b>	<b>Senarai Jawatan</b>
1.	Komandan
2.	Penolong Komandan
3.	Kuartermaster
4.	Ketua Utama Seksyen
5.	Ketua Seksyen
6.	Penolong Ketua Seksyen

<b>BELIA</b>	
<b>Bil</b>	<b>Senarai Jawatan</b>
1.	Penaung (Pengetua Sekolah)
2.	Pegawai Pemimpin Belia
3.	Penolong Pegawai Pemimpin Belia
4.	Ketua Utama Seksyen
5.	Ketua Seksyen
6.	Penolong Ketua Seksyen

<b>KANAK-KANAK</b>	
<b>Bil</b>	<b>Senarai Jawatan</b>
1.	Penaung (Guru Besar Sekolah)
2.	Pegawai Pemimpin Kanak-kanak
3.	Penolong Pegawai Pemimpin Kanak-kanak

**SEKSYEN 8**  
**SUSUNAN PANGKAT PEGAWAI DAN ANGGOTA PBSMM**

LENCANA PANGKAT	KEBANGSAAN	CAWANGAN	CABANG	PBS	BELIA	KANAK-KANAK	STAF IPK	STAF CAW.	STAF CABANG
<b>KBBBBBM</b> 1 X Keris 5 X Bintang 1 X Mahkota	Penaung (SPB Yang Di Pertuan Agong)	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada
<b>KBBBBM</b> 1 X Keris 4 X Bintang 1 X Mahkota	◆ Presiden ◆ Pengerusi	Penaung (DiRaja)	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada
<b>KBBBM</b> 1 X Keris 3 X Bintang 1 X Mahkota	◆ Timb. Presiden ◆ Naib Presiden ◆ Timb. Pengerusi ◆ Penasihat Kht.	Penaung (Bukan DiRaja)	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada
<b>KBBM</b> 1 X Keris 2 X Bintang 1 X Mahkota	◆ Naib Pengerusi ◆ Bendahari Kht	Pengerusi	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada
<b>KBM</b> 1 X Keris 1 X Bintang 1 X Mahkota	Ahli NEB	◆ Penasihat ◆ Timb. Pengerusi	Tiada	Tiada	Tiada	Setiausaha Agung	Tiada	Tiada	Tiada
<b>MPP</b> 1 X Mahkota 2 X Pip	Tiada	◆ Naib Pengerusi ◆ Pengarah	Pengerusi	Tiada	Tiada	Tiada	Pengarah	Tiada	Tiada
<b>MP</b> 1 X Mahkota 1 X Pip	Ahli J/Kuasa	◆ Penolong Pengarah (Latihan/Belia/PBS) ◆ Setiausaha Kht ◆ Bendahari Kht ◆ Pegawai Perubatan	◆ Penasihat ◆ Timbalan Pengerusi ◆ Naib Pengerusi (1) & (2)	Tiada	Tiada	Tiada	Ketua Bahagian	Tiada	Tiada

LENCANA PANGKAT	KEBANGSAAN	CAWANGAN	CABANG	PBS	BELIA	KANAK-KANAK	STAF IPK	STAF CAW.	STAF CABANG
M 1 X Mahkota	Tiada	<ul style="list-style-type: none"> <li>•Penguasa Rawatan (Nursing Supt.)</li> <li>•Kuartermaster</li> <li>•AJK</li> <li>•Duta Muhibbah</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Peg. Penjaga (Latihan, Belia, PBS, Kanak-kanak )</li> <li>• Setiausaha Kht.</li> <li>• Peg. Perubatan</li> <li>• Bendahari Kht.</li> </ul>	Tiada	Penaung (Pengetua)	Tiada	Peg. Tadbir Bahagian	Peg. Tadbir Bahagian	Tiada
PPP 3 x Pip	Tiada	Tiada	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kuartermaster</li> <li>• Pembantu Perubatan (MA/SRN)</li> <li>• AJK</li> </ul>	Komandan	Peg. Pemimpin Belia	Penaung (Guru Besar)	<ul style="list-style-type: none"> <li>•Peg. Perk. Kecemasan (ESO)</li> <li>•Pen. Peg. Tadbir</li> </ul>	Tiada	Oeg. Tadbir
PP 2 x Pip	Tiada	Tiada	Tiada	Pen. Komandan	Pen. Peg. Pemimpin Belia	Peg. Pemimpin Kanak-kanak	Pembantu Perubatan Ambulans (AMA)	Tiada	Tiada
P 1 x Pip	Tiada	Tiada	Tiada	Kuartermaster	Tiada	Pen. Peg. Pemimpin Kanak-kanak	Tiada	Tiada	Tiada
M V V V	Tiada	Tiada	Tiada	Ketua Utama Seksyen	Ketua Utama Seksyen	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada
V V V	Tiada	Tiada	Tiada	Jetua Seksyen	Ketua Seksyen	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada
V V	Tiada	Tiada	Tiada	Pen. Ketua Seksyen	Pen. Ketua Seksyen	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada
V	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada

<p style="text-align: center;"><b>NOTA :</b></p> <p>K = Keris      B = Bintang      M = Mahkota      P = Pip      V = Calit</p>	<p>Jurulatih = Memakai Lencana Jurulatih sahaja</p> <p>Pensyarah Profesional dan Doktor dibenarkan menggunakan pangkat (M) apabila mereka menjadi ahli diperingkat Cawangan atau Cabang.</p> <p>Pembantu Perubatan (MA/SRN) dibenarkan menggunakan (PPP) apabila mereka menjadi ahli diperingkat Cawangan atau Cabang.</p> <p>Seseorang Pegawai itu boleh mengekalkan pangkat yang tertinggi yang pernah dicapainya dalam PBSMM, dengan syarat mengambil kira jawatan yang disandang sekarang.</p>
---	--